

Lembaga Pengarah



1. Encik Mohammad bin Abdullah (Pengerusi)

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

2. Encik Anuar bin Mohd Hassan

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

3. Encik P. Raveenderen

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

4. Y.Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

5. Tuan Haji Yusoff bin Yaacob

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

6. Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

7. Encik Sharkawi bin Alis

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

8. Encik Azhar bin Abdul Wahab

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

9. Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

10. Encik Norazman bin Hashim

Setiausaha Syarikat

11. Puan Lena binti Abd Latif

Setiausaha Syarikat



Profil Para Pengarah

ENCIK MOHAMMAD BIN ABDULLAH

Encik Mohammad bin Abdullah, berusia 66 tahun. Warganegara Malaysia. Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 18 Jun 1996. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuhan. Turut menyandang jawatan Pengerusi Malaysian Reinsurance Berhad, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., Labuan Reinsurance (L) Limited, Negara Properties (M) Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad. Pengarah Aseambankers Malaysia Berhad, Malayan Banking Berhad, Golden Hope Plantations Berhad, MIMOS Berhad, Malaysian Bulk Carriers Berhad, Motordata Research Consortium Sdn. Bhd., Malaysian Re (Dubai) Ltd, MNRB Retakaful Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad dalam industri kewangan, teknologi maklumat dan pembangunan hartanah. Ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) dan Pendaftar Institut Akauntan Malaysia (MIA) sejak 1986 dan memiliki pengalaman lebih daripada 34 tahun dalam bidang perakaunan. Bekas Pengerusi dan Rakan Kongsi Kanan Coopers & Lybrand, Malaysia dan Pengerusi Eksekutif Malaysian Electronic Payment Systems (1997) Sdn. Bhd. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad kecuali selaras dengan menjadi Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad, beliau juga tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri enam daripada tujuh Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

ENCIK ANUAR BIN MOHD HASSAN

Encik Anuar bin Mohd Hassan, berusia 54 tahun. Warganegara Malaysia. Encik Anuar pernah menyandang jawatan Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat dari 1 November 1994 hingga 31 Mac 2005. Dengan penstrukturan semula Syarikat, jawatan Encik Anuar telah ditukar sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif berkuatkuasa mulai 1 April 2005. Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuhan. Buat masa ini beliau adalah Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Reinsurance Berhad. Insurer Berkanun dan ahli bersekutu Chartered Insurance Institute, United Kingdom sejak tahun 1979 serta ahli bersekutu Institut Insurans Malaysia sejak 1996. Telah menghadiri dan menamatkan Program Pengurusan Lanjutan anjuran Harvard Business School pada 2004. Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri insurans. Memulakan kerjaya pada tahun 1974 sebagai Eksekutif di Great Eastern Life Assurance Co Ltd., kemudiannya berkhidmat dengan pejabat New Zealand Insurance Co Ltd., di United Kingdom sebagai Eksekutif Pelatih. Kemudian menyertai pejabat New Zealand Insurance Co Ltd. di Kuala Lumpur sebagai Eksekutif / Pengurus. Menyertai Malaysian National Reinsurance Berhad pada tahun 1980 sebagai Pengurus Pengunderaitan. Selanjutnya memegang pelbagai jawatan sebagai Penolong Pengurus Besar, Timbalan Pengurus Besar, Pengurus Besar / Setiausaha Syarikat dan Pengurus Besar Kanan. Beliau adalah bekas ahli MAPEN 2 dan juga Pengarah Malaysian Reinsurance Berhad, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., Labuan Reinsurance (L) Limited, International Centre for Leadership in Finance (ICLIF), Malaysian Insurance Institute (MII), Motordata Research Consortium Sdn. Bhd., Malaysian Re (Dubai) Ltd, MNRB Retakaful Berhad dan sebuah syarikat tersenarai awam, iaitu Malaysian Oxygen Berhad. Beliau pernah menyandang jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) bagi tempoh 1994/2006. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad kecuali selaras dengan menjadi Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad, beliau juga tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

ENCIK P. RAVEENDEREN

Encik P. Raveenderen, berusia 62 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 11 November 1993. Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Insurer Berkanun dan ahli bersekutu Chartered Insurance Institute, United Kingdom. Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Royal Insurance (Malaysia) Bhd. sejak 1985 sehingga penggabungan syarikat tersebut dengan Sun Alliance Insurance (M) Sdn. Bhd. pada 1 September 1999 dan beliau kemudian menyandang jawatan Pengarah Eksekutif Royal & Sun Alliance Insurance (M) Bhd. yang digabungkan sehingga persaraan pada 31 Ogos 2001. Juga merupakan pengarah Malaysian Reinsurance Berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

Y.BHG. DATO' SYED ARIFF FADZILLAH BIN SYED AWALLUDDIN

Y.Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin, berusia 63 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 31 Januari 2003. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Imbuan dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Berkelulusan Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya, memperolehi Diploma Perhubungan Antarabangsa dari Universiti Oslo, Diploma Pentadbiran Pembangunan daripada London School of Economics dan Ijazah Sarjana Perhubungan Antarabangsa daripada Universiti New York. Pada tahun 1967, beliau menyertai perkhidmatan Kerajaan dan ditugaskan ke luar negara di Kanada, Libya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan Indonesia. Dilantik sebagai Duta ke Fiji pada tahun 1988, Republik Korea dan seterusnya Thailand sehingga beliau bersara daripada Perkhidmatan Kerajaan pada tahun 2001. Beliau kini merupakan Pengerusi LCL Corporation Berhad, di samping menyandang jawatan Pengarah bagi Malaysian Reinsurance Berhad dan sebuah syarikat tersenarai awam, EcoFirst Consolidated Berhad dan sebuah syarikatendirian berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

TUAN HAJI YUSOFF BIN YAACOB

Tuan Haji Yusoff bin Yaacob, berusia 59 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 10 November 2004. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Opsyen Saham. Berkelulusan Diploma Pengajian Insurans & Pengurusan Insurans daripada Universiti Nottingham, United Kingdom. Beliau juga merupakan ahli bersekutu Chartered Insurance Institute, United Kingdom. Memulakan kerjaya sebagai Pengurus Marin di Malaysian National Insurance Berhad pada tahun 1970. Menyertai Petroleum National Berhad (PETRONAS) pada tahun 1979 sebagai Pengurus Besar (Bahagian Insurans). Beliau turut menyandang jawatan Pengarah Malaysian Reinsurance Berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

Profil Para Pengarah

Y.BHG. DATUK HAJI MOHD KHALIL BIN DATO' HAJI MOHD NOOR

Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor, berusia 66 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 14 Disember 2004. Pengerusi Jawatankuasa Opsyen Saham, ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Imbuan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya dan turut memperolehi Diploma Dasar Komersil daripada GATT Training Institute di Geneva, Switzerland. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Audit Negara dari 1994 hingga 2000. Juga merupakan Setiausaha Jawatankuasa Pelaburan Luar Negara, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Industri dan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya. Kini, beliau adalah Pengerusi TIME Engineering Berhad, Pengarah IOI Corporation Berhad, Malaysian Reinsurance Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad serta dua buah syarikat sendiri berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad kecuali selaras dengan menjadi Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

ENCIK SHARKAWI BIN ALIS

Encik Sharkawi bin Alis, berusia 60 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 7 Januari 2005. Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Beliau merupakan Barrister-at-law daripada Middle Temple, London dan ditauliahkan pada 1971. Berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Guaman Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Kumpulan Malaysia Mining Corporation Berhad. Pada Januari 1997, beliau menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai Pengarah Bahagian Penyeliaan Pasaran dan kemudian sebagai Pengarah Bahagian Sumber Korporat sehingga Mac 2003. Beliau turut menjawat jawatan Pengarah Malaysian Reinsurance Berhad, Amanah SSM Asset Management Berhad, Pulau Springs Resorts Berhad dan dua syarikat sendiri berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad kecuali selaras dengan menjadi Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

ENCIK AZHAR BIN ABDUL WAHAB

Encik Azhar bin Abdul Wahab, berusia 38 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 12 Mei 2005. Ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Opsyen Saham. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) daripada Universiti Teknologi Malaysia, Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Kewangan dan Pelaburan Gunaan daripada Securities Institute of Australia dan merupakan Perancang Kewangan Bertauliah daripada Persatuan Perancang Kewangan Malaysia. Pernah menghadiri Program Pembangunan Eksekutif di Institut Pengurusan (IMD), Lausanne, Switzerland. Beliau juga ahli bersekutu Securities Institute of Australia. Pernah bertugas sebagai pegawai di Nomura Jafco Investment (Asia) Ltd., Singapura dan menyandang pelbagai jawatan di Permodalan Nasional Berhad. Beliau kini memegang jawatan Eksekutif Naib Presiden Aseambankers Malaysia Berhad, Jabatan Perbankan Pelaburan Korporat. Beliau turut menjadi Pengarah Malaysian Reinsurance Berhad serta dua syarikat sendiri berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham MNRB Holdings Berhad kecuali selaras dengan menjadi Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri enam daripada tujuh Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

TUAN HAJI MEGAT DZIAUDDIN BIN MEGAT MAHMUD

Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud, berusia 61 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif semenjak 24 Ogos 2006. Ahli Jawatankuasa Audit. Berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi daripada Universiti Queens di Belfast, United Kingdom. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia dan ahli bersekutu Institute of Chartered Accountants di Ireland. Beliau juga menyandang jawatan Pengarah bagi Malaysian Reinsurance Berhad, Pernec Corporation Berhad, Malaysian Plantations Berhad, Alliance Bank Berhad, Alliance Investment Bank Berhad, Alliance Investment Management Berhad dan beberapa syarikat sendiri berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan / atau pemegang saham MNRB Holdings Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri tiga daripada empat Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan dalam tempoh pelantikan beliau sehingga akhir tahun kewangan.